SEKOLAH KEBANGSAAN TOBOBON
KOTA KINABALU, SABAH

# NOTA ULANGKAJI PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 3

DISEDIAKAN :
PANITIA PENDIDIKAN ISLAM TAHAP 1
SK.TOBOBON, KOTA KINABALU

# BIDANG : AL-QURAN

## TAJUK 1 : SURAH AL-KAFIRUN

INFO:

- DITURUNKAN DI MEKAH
- SURAH INI MENGANDUNGI 6 AYAT
- SURAH INI MENJELASKAN TENTANG TAWARAN ORANG KAFIR KEPADA NABI MUHAMMAD S.A.W SUPAYA MENINGGALKAN AJARAN ISLAM DAN MENGIKUT AJARAN MEREKA.

AKTIVITI ULANGKAJI:

- MENGHAFAZ DAN MENGECAM AYAT- AYAT SURAH AL-KAFIRUN


سُورَةُ الْكَافِرُونَ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ١ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ٢

وَلَا أَنتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ٣ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ٤

وَلَا أَنتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ٥ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ٦

## BIDANG : AL-QURAN

## TAJUK 2 : SURAH AL-ASR

INFO:

- DITURUNKAN DI MEKAH
- SURAH INI MENGANDUNGI 3 AYAT
- SURAH INI MENERANGKAN TENTANG KEPENTINGAN MASA.
- AMALAN MEMBACA SURAH AL-ASR APABILA SELESAI SESUATU MAJLIS.

AKTIVITI ULANGKAJI:

- MENGHAFAZ DAN MENGECAM AYAT- AYAT SURAH AL-ASR



BIDANG : AKIDAH

TAJUK 1 : ALLAH AL-A'LIM DAN AL-HAKIM

**ALLAH AL-A'LIM**

- BERERTI MAHA MENGETAHUI
- NAMA ALLAH AL-A'LIM BERMAKSUD ALLAH MAHA MENGETAHUI SETIAP SESUATU SECARA TERPERINCI . TIADA SUATU PUN YANG TERSEMBUNYI DARIPADA PENEGTAHUAN ALLAH S.W.T

**ALLAH AL-HAKIM**

- BERERTI MAHA BIJAKSANA
- NAMA ALLAH AL- HAKIM BERMAKSUD ALLAH MAHA BIJAKSANA MENCIPTA DAN MENTADBIR ALAM. SETIAP CIPTAANNYA MENGANDUNGI HIKMAH, FAEDAH DAN TUJUAN.

AKTIVITI ULANGKAJI:

1. MEMAHAMI PENGERTIAN AL- A'LIM DAN AL-HAKIM
2. MEMBEZAKAN ERTI AL-A'LIM DAN AL-HAKIM DENGAN BETUL

BIDANG : AKIDAH

TAJUK 2 : BERIMAN KEPADA KITAB



**KITA WAJIB BERIMAN KEPADA KITAB-KITAB ALLAH**

## KITAB ALLAH BERMAKSUD:

- Kalam Allah yang diwahyukan kepada para nabi dan rasulnya. Mengandungi Syariat dan petunjuk, memimpin manusia ke jalan yang benar dan di redhai Allah.

## KITAB-KITAB ALLAH YANG DITURUNKAN IALAH:

- KITAB ZABUR KEPADA NABI DAUD saw
- KITAB TAURAT KEPADA NABI MUSA saw
- KITAB INJIL KEPADA NABI ISA saw
- KITAB AL-QURAN KEPADA NABI MUHAMMAD saw

## AKTIVITI ULANGKAJI :

1. MEMAHAMI PENGERTIAN KITAB ALLAH
2. MENGETAHUI HUKUM BERIMAN KEPADA KITAB ALLAH
3. MENGETAHUI NAMA-NAMA KITAB YG DITURUNKAN DAN PARA NABI YANG MENERIMANYA.

# BIDANG : IBADAH

## TAJUK 1 : BERSUCI DARIPADA HADAS

### HADAS BERMAKSUD:

- Kekotoran Maknawi pada diri seseorang yang menghalang Sahnya ibadah yang disyaratkan bersuci. Contoh : Solat, Tawaf dan menyentuh Al-quran.

**Hadas Terbahagi Kepada Dua Jenis Iaitu Hadas Besar Dan Hadas Kecil**

**Cara bersuci HADAS BESAR dengan cara MANDI WAJIB.**

**Cara bersuci HADAS KECIL adalah dengan BERWUDUK**

### SEBAB BERHADAS BESAR

(BERSUCI DENGAN CARA MANDI WAJIB ):

✓ Keluar Mani ✓ Haid ✓ Nifas
✓ Bersetubuh ✓ Wiladah ✓ Mati

### PERKARA DILARANG KETIKA BERHADAS

✓ SOLAT ✓ MEMEGANG DAN MEMBACA ALQURAN ✓ BERTAWAF

**HUKUM BERSUCI DARIPADA HADAS IALAH WAJIB**

AKTIVITI ULANGKAJI :

1. MEMAHAMI PENGERTIAN HADAS
2. MENGETAHUI HUKUM BERSUCI DARIPADA HADAS
3. MENGETAHUI SEBAB BERHADAS BESAR DAN PERLU MANDI WAJIB.

# BIDANG : IBADAH

## TAJUK 2 : PERKARA MEMBATALKAN SOLAT

**BERMAKSUD:**

- Perkara-perkara yang berlaku semasa solat yang boleh menyebabkan solatnya tidak sah atau batal.



- Berkata-kata dengan sengaja
- Meninggal-kan rukun
- Terkena najis pada badan, pakaian dan tempat solat
- Terbuka aurat dengan sengaja
- Makan atau minum
- Ketawa sehingga keluar suara
- Hilang ingatan/ pitam /gila
- Berpaling dada dari arah kiblat
- Berubah niat ( ubah waktu & jenis solat)
- Berhadas kecil atau besar
- Murtad

**AKTIVITI ULANGKAJI :**

1. MENGETAHUI PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

PERISTIWA PENURUNAN WAHYU

# BIDANG : SIRAH

## TAJUK 1 : WAHYU TERAGUNG

- Sebelum Nabi Muhammad di isytihar menjadi Nabi, Baginda sering ke Gua Hira' untuk beribadah.

- **Wahyu ialah Kalam Allah swt yang disampaikan kepada Para Nabi & Rasul.**

- Pada 17 Ramadhan, Malaikat Jibrail telah bertemu Nabi Muhammad Saw di Gua Hira' untuk menyampaikan wahyu pertama.

- Al-Quran ialah Wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.a.w

- Baginda di ajar membaca surah Al- Alaq ayat 1-5 oleh Malaikat Jibrail.

AKTIVITI ULANGKAJI :

1. MENGETAHUI PERISTIWA PENURUNAN WAHYU ALLAH

BIDANG : SIRAH

# TAJUK 2 : MENELADANI SIFAT TABLIGH NABI MUHAMMAD SAW

## TABLIGH

- BERMAKSUD MENYAMPAIKAN.
- TABLIGH MERUPAKAN SALAH SATU SIFAT WAJIB PARA NABI. MEREKA MENYAMPAIKAN WAHYU YANG DITERIMA DARIPADA ALLAH SWT KEPADA UMAT MANUSIA

## Keunggulan Sifat Tabligh Nabi Muhammad Saw ketika menghadapi cabaran menyampaikan ajaran Islam:

1. Sifat amanah memikul tanggungjawab betabligh dan tidak putus asa.
2. Sangat sabar dan tenang menghadapi cabaran, merancang strategi dakwah yang lebih luas.
3. Semakin cekal berdakwah dan tidak membalas dengan kekerasan.
4. Tugas dakwah diteruskan dan negara Madinah diperkukuhkan.

## AKTIVITI ULANGKAJI:

1. MEMAHAMI PENGERTIAN TABLIGH
2. MENCONTOHI SIFAT UNGGUL NABI MUHAMMAD SEMASA MENYAMPAIKAN AJARAN ISLAM.

BERWUDUK

TIDUR AWAL

MEMBACA DOA BANGUN TIDUR

MENGIBAS TEMPAT TIDUR

MENGIBAS TEMPAT TIDUR

MEMBACA BASMALLAH ( BISMILLAH )

MEMBASUH MUKA /MEMBASUH LUBANG HIDUNG

MEMBASUH TANGAN

TIDUR MENGIRING SEBELAH KANAN

MEMBACA DOA DAN BERZIKIR

BERWUDUK

MEMBERUS GIGI

ADAB SEBELUM TIDUR

ADAB SELEPAS TIDUR

BIDANG : ADAB

TAJUK : ADAB-ADAB TIDUR

AKTIVITI ULANGKAJI:

1. MENGETAHUI DAN MENGAMALKAN ADAB-ADAB SEBELUM DAN SELEPAS TIDUR.

BIDANG : JAWI

## TAJUK : IMBUHAN AWALAN BER - TER

- IMBUHAN AWALAN IALAH IMBUHAN YANG DI TAMBAH PADA BAHAGIAN HADAPAN KATA DASAR SAMA ADA MELIBATKAN PENGUGURAN HURUF AWAL KATA DASAR ATAU PUN TIDAK.

**CUBA TULIS**




……………

……………

……………

……………







AKTIVITI ULANGKAJI:

1. MENGETAHUI PENGGUNAAN IMBUHAN AWALAN YANG BETUL
2. LATIH TUBI MENULIS PERKATAAN BERIMBUHAN AWALAN

# SELAMAT MEMBACA & ULANGKAJI